

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN VI - KEWANGAN
Baitulmal dan Tatacara Kewangan Majlis**

Seksyen 69. Penubuhan Baitulmal.

- (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan.
 - (2) Baitulmal hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah Enakmen ini atau peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Baitulmal.
 - (3) Semua wang dan harta dalam Baitulmal hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini.
 - (4) Walau apa pun peraturan-peraturan yang disebut dalam subseksyen (3), mana-mana pelaburan, aset atau kumpulan wang yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil daripadanya boleh dilaburkan dari semasa ke semasa dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa bagi pelaburan wang amanah dan Hukum Syarak.
 - (5) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini, Majlis, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong boleh membuat peraturan-peraturan tentang pemungutan, pentadbiran dan pembahagian semua harta Baitulmal.
-